

Ketua Pemuda: Anwar ambil sikap terbuka



ENCIK ANWAR

Oleh ZAHANY SULONG

KUALA TRENGGANU, Jumaat — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Encik Anwar Ibrahim mengambil sikap terbuka untuk jawatan dalam sidang perwakilan pergerakan Pemuda UMNO tidak lama lagi.

Ada kemungkinan beliau akan bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang dipegang oleh Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin sekarang ini,

jika banyak bahagian UMNO di negara ini mencalonnya.

Berita Harian difahamkan setakat ini beberapa bahagian UMNO di Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Trengganu mencalonkan Encik Anwar bertanding jawatan tersebut.

Bagaimanapun, Encik Anwar berkata beliau tidak boleh memberi

kata putus malah akan mengambil sikap terbuka dalam soal pertandingan jawatan dalam parti.

Ini bukan sahaja jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia malah jawatan-jawatan lain juga termasuk Exco Pusat.

"Saya tidak mahu memberi kata putus dalam soal ini, tetapi saya akan menghormati pandangan ramai," katanya.

Beliau berkata, sebagai orang baru dalam UMNO beliau tidak mahu mengambil sebarang keputusan mengenai itu secara terburu buru.

"Ini terserah kepada Bahagian-bahagian UMNO seluruh negara untuk menentukannya sama ada mahu meletakkan dirinya ketempat-tempat tersebut.

Terdahulu dari itu, beliau mengunjungi Menteri Besar Trengganu Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad dan membincangkan soal politik dan kegiatan Islam di negeri ini.

Encik Anwar memuji Kerajaan Trengganu kerana berani melaksanakan program Islam dalam pentadbiran negeri dan masyarakat.

"Saya juga sedang mencari jalan untuk meningkatkan lagi program Islam di negara ini," tambah beliau.

Beliau juga melahirkan rasa keal kerana perpecahan dalam masyarakat Islam hari ini akibat perbezaan politik dan penyebaran kafir-mengkafir sesama Islam.

Encik Anwar berkata, beliau akan mengkaji secara mendalam kesan perpecahan di kalangan masyarakat ekoran dari itu kafir-mengkafir sebelum dan semasa kempen pilihanraya lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia